



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/10/71 (HQ)

JAUHI PEPASANGAN TNB YANG TERJEJAS AKIBAT CUACA BURUK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihati orang ramai untuk menjauhi pemasangan TNB yang tumbang akibat cuaca buruk dan/atau digenangi air berikutan musim hujan demi keselamatan diri masing-masing.

“Pemasangan TNB yang terjejas akibat cuaca buruk dan musim tengkujuh boleh mengakibatkan renjatan elektrik andai ia disentuh,” kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

Justeru, ibu bapa terutamanya perlu mengawasi tindak tanduk anak-anak agar tidak menghampiri pemasangan yang tumbang bagi mengelak risiko renjatan arus elektrik yang masih mengalir, katanya.

“Sila hubungi pejabat TNB yang berdekatan, TNB CareLine 15454 atau Facebook TNB Careline jika ternampak pemasangan TNB teralih atau tumbang,” ujarinya.

Roslan juga berkata, paras air yang meningkat secara tiba-tiba boleh mengundang risiko renjatan pada pemasangan elektrik. Oleh itu, orang ramai diminta untuk segera menghubungi TNB bagi mengelak kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Menurutnya, dalam situasi tersebut TNB akan menghentikan bekalan elektrik untuk sementara waktu bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin.

Roslan turut memaklumkan bahawa TNB pada kebiasaannya menerima banyak panggilan gangguan elektrik akibat cuaca buruk.

“Justeru, kami mungkin memerlukan lebih masa untuk menangani setiap aduan. Kesabaran pengguna sementara TNB berusaha memulihkan bekalan elektrik amat dihargai,” tambahnya lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2019, jam 12.30 Tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Shaary di talian 019-3369681 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524 /
atau emel kepada media@tnb.com.my*